



Pulau Pinang berdaulat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

GEORGE TOWN - Kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berdaulat dalam Persekutuan Malaysia adalah jelas dan tidak boleh dipertikai dari sudut perundangan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan secara jelas menyenaraikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri dalam Malaysia, setaraf dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

“Berhubung isu bayaran ‘sewaan’ atau ‘bayaran’ kepada Kedah, perkara itu juga tidak timbul pada peringkat Kerajaan Negeri.

“Berdasarkan Perjanjian 1869 antara British dan Kedah serta peruntukan Perkara 167(7) dan Perkara 169(a) Perlembagaan Persekutuan, apa-apa komitmen bayaran tahunan yang wujud pada zaman pentadbiran British telah berpindah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang,” ujarinya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menegaskan perkara itu ketika membentangkan ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 20 November 2025.

Mengulas lanjut, Kon Yeow



KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco, ADUN dan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan selepas sidang DUN ditangguhkan pada 20 November lalu di sini.

memaklumkan bahawa dari sudut undang-undang, Pulau Pinang tidak mempunyai obligasi untuk membayar sebarang bentuk sewaan, pampasan atau bayaran kepada Kedah.

“Kedudukan ini adalah selaras dengan evolusi perlembagaan negara serta struktur Persekutuan Malaysia.

“Malah, sempadan negeri juga telah ditetapkan secara muktamad melalui Akta Kedah dan Pulau Pinang

(Pengubahan Sempadan) 1985 [Akta 325], yang digubal di Parlimen mengikut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan,” jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri menolak sekeras-kerasnya sebarang naratif atau provokasi yang dimainkan oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga mampu menggugat keharmonian awam, terutama melibatkan hubungan antara

negeri.

“Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang berdaulat dalam Persekutuan dan sejarah komitmen kewangan melibatkan Kedah adalah urusan Kerajaan Persekutuan.

“Kerajaan Negeri akan terus menghormati kedudukan Perlembagaan Persekutuan dan memastikan hubungan antara negeri terpelihara berdasarkan lunas undang-undang,” ulasnya lanjut.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-15

UTC Seberang Perai

komitmen kerjasama beri nilai tambah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, menjelaskan bahawa kenyataan beliau yang sebelum ini disalah tafsir sebagai menentang pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Seberang Perai adalah tidak berasas.

Menurut beliau, inisiatif tersebut memberikan nilai tambah kepada rakyat dan Kerajaan Negeri turut menyambut baik pembukaan UTC Seberang Perai baru-baru ini.

"Tuduhan lapangan bahawa saya menentang pembinaan UTC Seberang Perai adalah tidak berasas.

"Sejak awal lagi, saya telah menjelaskan, termasuk dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 24 Mei 2024, bahawa keputusan mengenai pembinaan UTC adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan" tegas beliau.

Kon Yeow berkata demikian dalam Sesi Penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 20 November lalu.

Jelasnya, pembangunan sebuah UTC bukanlah projek kecil, Kementerian Kewangan (MoF) perlu menanggung kos ubah suai, naik taraf bangunan, penyediaan peralatan dan kelengkapan agensi, di samping kos sewaan, penyelenggaraan serta pelbagai kos operasi, mengikut Klausula 4 Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan UTC.

"Maka, sememangnya wujud keperluan



UTC Seberang Perai terletak di Penang Sentral, Butterworth dan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 9 malam setiap hari.

untuk meneliti implikasi kewangan sebelum keputusan dimuktamadkan.

"Atas dasar itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan pragmatik dengan memberikan kerjasama penuh.

"Namun, pada masa sama menghormati proses penilaian serta keputusan Kerajaan Persekutuan selaku pihak yang

bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembiayaan dan operasi UTC," ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang, malah sentiasa menyokong apa jua inisiatif Kerajaan Persekutuan yang membawa manfaat langsung kepada rakyat Pulau Pinang.

NR-REE potensi pemacu baharu

GEORGE TOWN - Jumlah sumber teragak (*inferred resource*) unsur nadi bumi bukan radioaktif (NR-REE) di negeri ini dianggarkan sekitar 1.7 juta tan metrik dengan anggaran nilai kira-kira USD21 bilion, namun tertakluk kepada pengesahan melalui kajian terperinci.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, potensi elemen nadir bumi bukan radioaktif tersebut mampu menjadi salah satu pemacu ekonomi baharu negeri nanti.

"Sumber baharu ini mampu menjadi salah satu pemacu ekonomi negeri, seiring dengan strategi untuk mempelbagaikan asas hasil dan memastikan model pendapatan yang lebih mampan dalam jangka panjang," jelasnya semasa sesi penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 20 November 2025.

Di samping itu, beliau berkata bahawa NR-REE di Pulau Pinang kekal sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini, berasaskan kajian tinjauan awalan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Sehubungan itu, beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata, Kerajaan Negeri sedang menyediakan Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang, sebagai rangka kawal selia sebelum sebarang aktiviti penerokaan atau pembangunan sumber dilakukan.

"Kerajaan Negeri juga terbuka kepada cadangan daripada mana-mana pihak, sama ada tempatan mahupun antarabangsa yang berminat meneroka potensi NR-REE di Pulau Pinang.

"Setiap cadangan pastinya akan dinilai secara profesional oleh jabatan teknikal berkaitan," katanya.

Pelaburan meningkat cermin keyakinan pelabur

GEORGE TOWN - Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan bernilai RM217.42 bilion bagi tahun 2019 hingga suku ketiga 2025 berdasarkan data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa jumlah itu meningkat sebanyak RM65.67 bilion berbanding tahun 2009 hingga 2018.

"Peningkatan lebih tiga kali ganda ini mencerminkan tahap keyakinan pelabur terhadap negeri Pulau Pinang," ujarnya dalam sesi Ucapan Penggulangan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 20 November 2025.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa lonjakan pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2021 berjumlah lebih RM74.44 bilion manakala pelaburan langsung domestik

(DDI) sebanyak RM1.78 bilion.

"Sementara itu, prestasi luar biasa tahun 2023 yang mencecah RM60.13 bilion (FDI) dan DDI berjumlah RM3.29 bilion, bukanlah suatu kebetulan, sebaliknya kejayaan ini terhasil daripada penetapan dasar yang konsisten, perancangan yang teliti dan keyakinan pelabur global terhadap kestabilan serta keupayaan negeri ini.

"Pada masa sama, pelaburan domestik terus menunjukkan komitmen kukuh dengan aliran masuk DDI yang stabil, sekali gus menggambarkan kepercayaan syarikat tempatan terhadap arah tuju ekonomi Pulau Pinang.

"Situasi ini mencerminkan pertumbuhan industri negeri tidak hanya bergantung kepada FDI semata-mata, tetapi turut diperkasakan oleh kekuatan pemain tempatan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow menyatakan bahawa

sehingga September 2025, Pulau Pinang merekodkan pelaburan mencecah RM15.79 bilion.

"Ini merupakan suatu pencapaian yang membuktikan ketahanan ekonomi Pulau Pinang walaupun dunia sedang berdepan isu tarif, ketidakpastian geopolitik dan tekanan rantaian bekalan global.

"Pulau Pinang kukuh sebagai pilihan selamat untuk pelabur yang mementingkan kestabilan, berdaya saing dan berorientasikan masa hadapan.

"Kerajaan Negeri komited dalam memastikan momentum ini diteruskan dengan memberi tumpuan kepada pelaburan berkualiti tinggi, automasi, digitalisasi, penyelidikan dan pembangunan serta teknologi strategik yang mampu menjamin daya saing negeri dalam jangka panjang.

"Ini penting kerana kita bukan sekadar mahu menjadi peneraju, tetapi penanda aras kepada negeri-negeri lain," ulasnya lanjut.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-15

SPS tidak diabaikan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, di bawah *Rolling Plan 1* (RP1) Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13), sebanyak 30 projek sambungan sedang dilaksanakan dengan kos keseluruhan RM1.06 bilion.

“Bagi kesinambungan pelaksanaan, RM125 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2026, manakala baki RM506.4 juta akan diteruskan mengikut jadual dan keutamaan pembangunan,” ujarnya pada sesi penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 di sini pada 20 November lalu.

Sambil menekankan tumpuan pembangunan, beliau mengulangi kenyataan bahawa *‘The future of Penang is in Seberang Perai, and the future of Seberang Perai is in Batu Kawan’*.

Tambah Kon Yeow, antara projek berimpak tinggi lain di SPS adalah Rancangan Tebatan Banjir (RTB)

Sungai Jawi; menaik taraf Jambatan Sungai Kerian dan membina jejambat merentasi persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian.

Selain itu, jelasnya lagi, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memainkan peranan sebagai katalis pembangunan di Batu Kawan termasuk pelaksanaan projek utama seperti sekolah di Bandar Cassia; Pasar Awam Batu Kawan; Dataran Usahawan; GBS@Bandar Cassia; Jambatan Batu Kawan; pembaikan Jalan Valdor dan infrastruktur di *Bandar Cassia Technology Park*.

“Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga komited meningkatkan keupayaan bekalan air di SPS melalui pelaksanaan lapan projek jangka pendek dan sederhana bernilai RM532 juta.

“Tambah pula, pemeteraian MoU Projek Air Pulau Pinang –Perak baru-baru ini melengkapkan perancangan jangka panjang bagi menjamin bekalan air yang mampan di SPS,” jelasnya.



BATU Kawan kini pesat membangun sebagai lokasi perindustrian, gaya hidup dan projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada rakyat.

AHD capai RM1 bilion menjelang akhir pentadbiran

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengulangi iltizam politik untuk memastikan Akaun Hasil Disatukan (AHD) mencapai RM1 bilion menjelang tempoh akhir pentadbiran beliau.

“Selepas memperketat dan memantau rapi perbelanjaan sejak tahun 2024 dan 2025, kita dapat melihat bahawa ada sedikit harapan ‘di akhir terowong’.

“Pada tahun 2026 atau mungkin 2027, kita optimis dapat memperbaiki kewangan kita dan saya masih berpegang kepada janji bahawa apabila saya tamat perkhidmatan nanti, saya perlu memastikan RM1 bilion berada dalam AHD,” ujarnya ketika menjawab soalan tambahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng.

Beliau berkata demikian dalam sesi Soalan Lisan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 20 November 2025.

Sebelum itu, Kon Yeow turut menjelaskan mengenai sembilan tumpuan utama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan hasil negeri.

Menurut beliau, strategi yang dirangka itu memberikan penekanan kepada beberapa aspek termasuk penyelarasan dasar hasil, pemantapan mekanisme kutipan dan kecekapan pengurusan kewangan.

“Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan pelbagai usaha penambahbaikan secara berterusan termasuk memperkukuh sistem pemantauan kutipan hasil melalui

pendigitalan dan integrasi data kewangan negeri.

“Seterusnya adalah menambah baik proses kutipan tunggakan serta mengoptimalkan aset negeri bagi menjana pulangan tambahan.

“Kerajaan Negeri juga berusaha meneroka sumber baharu yang berpotensi seperti tenaga boleh baharu, fi perkhidmatan baharu serta kerjasama strategik dengan agensi yang berkaitan.

“Usaha ini dijalankan secara berfasa bagi memastikan pertumbuhan hasil negeri dapat dicapai secara mampan dan tidak membebankan rakyat,” jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Menyentuh mengenai laporan media berkaitan rampasan tanah rakyat sebagai strategi meningkatkan hasil, Kon Yeow menegaskan bahawa tindakan itu merupakan pilihan terakhir atas kegagalan pemilik membayar tunggakan cukai tanah.

“Kita juga ingin mengetahui punca pemilik tanah enggan membayar tunggakan sehingga menyebabkan tanah mereka dilucuthakkan.

“Kerajaan Negeri tidak bertindak zalim dengan merampas tanah rakyat kerana tindakan ini merupakan pilihan terakhir yang kita perlu ambil,” tegasnya.

Menjawab soalan tambahan daripada ADUN Pinang Tunggal, Bukhori Ghazali mengenai keperluan penubuhan anak syarikat baharu, Kon Yeow menyatakan bahawa perkara itu tidak perlu memandangkan Pulau Pinang sudah mempunyai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berfungsi dengan baik seperti Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC), *investPenang* dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

PIFC aspirasi jangka panjang

GEORGE TOWN - Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) akan terus menjadi aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri, sungguhpun syor asal itu tidak disokong oleh Kementerian Kewangan (MoF) ketika ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung, semasa Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 14 November 2025.

“Saya tidak berasa kecewa kerana kita (Kerajaan Negeri) cuma memulakan inisiatif ini (PIFC) pada peringkat awalan melalui sepucuk surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan mungkin dipanjangkan kepada Perbendaharaan (MoF) supaya mengambil maklum mengenai inisiatif PIFC,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memberitahu bahawa sebelum ini Kerajaan Negeri telah memulakan inisiatif awalan antaranya untuk membina projek transit aliran ringan (LRT) Laluan Mutiara dari Bayan Lepas ke George Town dan berakhir di Penang Sentral, yang mengambil masa kira-kira 10 tahun.

Tambah Kon Yeow, di sebalik syor PIFC tersebut, Pulau Pinang mahu menjadi platform kewangan serantau



CHOW Kon Yeow.

dengan memberi tumpuan terhadap teknologi kewangan (*FinTech*) serta integrasi berasaskan data, automasi dan kecerdasan buatan (AI).

“Tiga teras utama PIFC iaitu sebagai Dana Pelaburan Industri Negeri (*State Sovereign Wealth Fund*) dengan menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

“(Teras kedua,) Pendigitalan Harta Tanah (iaitu) menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

“(Teras ketiga adalah) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan (iaitu) mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, *FinTech* dan perkhidmatan sokongan profesional,” ujarnya.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-15

Tingkat usaha promosi ekopelancongan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri sedang mempergiat promosi ekopelancongan menerusi pelbagai inisiatif strategik bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026.

Menurut Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai, Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) kini menumpukan promosi destinasi berasaskan alam seperti Taman Negara Pulau Pinang; Hutan Simpan Bukit Mertajam (dekat Cherok To' Kun); Hutan Paya Bakau Sungai Aceh; *Entopia*; *Penang Hill UNESCO Biosphere Reserve*; Kampong Agong dan *Penang River Cruise* di Sungai Juru.

"Fokus diberikan kepada aktiviti mendaki bukit, jelajah hutan, pemerhatian burung, pelancongan pendidikan serta program kesedaran biodiversiti.

"Aplikasi *Penang Hill Hiking Trails* telah dilancarkan sebagai panduan digital kepada pendaki Bukit Bendera, manakala jeti utama ke Taman Negara Pulau Pinang juga siap dinaik taraf bagi meningkatkan keselesaan pelawat ke Pantai Kerachut, Rumah Api Muka Head dan Pusat Penyelidikan Marin dan Pantai (CEMACS).

"*Entopia* pula memperkenalkan *Entopia by Night* iaitu pengalaman taman biofluorescent pertama di dunia.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperluas pelancongan berasaskan komuniti di kawasan luar bandar seperti Pulau Aman, Nibong Tebal dan Balik Pulau, yang menawarkan pakej lawatan ladang, aktiviti memancing dan pengalaman desa," ujarnya ketika

menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Chee Yeeh Keen pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 17 November 2025.

Beliau yang juga ADUN Paya Terubong memaklumkan bahawa PGT turut bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan tempatan dalam pembangunan pakej pelancongan, selain memperhebat promosi digital menerusi media sosial seperti *YouTube MyPenang* dan laman rasmi pelancongan negeri.

Tambahnya lagi, Sambutan Hari Warisan Seberang Perai bersempena Festival Penang2030 yang diadakan di Kampung Agong pada 12 Julai 2025 turut membantu meningkatkan kesedaran terhadap tarikan ekopelancongan luar bandar.

"Malah, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga sedang melaksanakan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai bagi ketiga-tiga daerah di Seberang Perai yang dijangka siap pada 2026.

"Kajian ini bertujuan mendokumentasikan produk pelancongan dalam kategori warisan, budaya, gastronomi, agropelancongan, ekopelancongan, sukan dan rekreasi.

"Ini termasuk jalinan kerjasama dengan pihak swasta dan komuniti seperti *Auto-City Group*, *Think City Sdn. Bhd.*, serta agensi pelancongan negeri lain dalam membangunkan *Penang River Cruise* di Sungai Juru, yang membawa pengunjung menyusuri perkampungan nelayan, ladang akuakultur dan hutan

Komited kembangkan potensi pelancongan Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Selain George Town, Kerajaan Negeri turut komited membangunkan potensi pelancongan di Balik Pulau, Teluk Bahang serta ketiga-tiga daerah di Seberang Perai.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai menjelaskan perkara itu sebagai respons kepada isu yang dibangkitkan oleh dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang sebelum ini.

"Bagi menjawab soalan YB Permatang Berangan (Mohd. Sobri Saleh) dan YB Teluk Ayer Tawar (Azmi Alang), saya telah mempelawa *ThinkCity* (*ThinkCity Sdn. Bhd.*) untuk mengadakan pameran promosi di perkarangan Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini.

Malah, reruai pameran bagi mempromosikan produk pelancongan berkaitan Seberang Perai turut diadakan dalam Festival Pinggiran Butterworth (BFF) pada 22 dan 23 November 2025," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN



WONG Hon Wai.

Pulau Pinang Ke-15 pada 19 November lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Hon Wai turut memberitahu bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang mewujudkan inventori produk pelancongan yang kini dalam proses verifikasi akhir untuk memperkasa ekopelancongan di Labuh Banting.

paya bakau.

"Selain itu, usaha melabelkan kawasan Teluk Air Tawar - Kuala Muda sebagai destinasi ekopelancongan strategik turut dipergiat melalui kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"(Dan) pada masa sama, inisiatif *Bird Flyway* bagi melindungi habitat burung migrasi juga dijalankan sekali gus mengukuhkan potensi pelancongan alam semula jadi di Seberang Perai," jelas Hon Wai lanjut.

Semua SJKT Pulau Pinang lengkap *smartboard*

GEORGE TOWN - Semua 28 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri ini kini dilengkapi kemudahan *smartboard* meskipun berdepan cabaran infrastruktur seperti bangunan sekolah yang usang, kekurangan bilik darjah, makmal komputer dan peralatan moden.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata bahawa Kerajaan Negeri komited memperkasa pembangunan SJKT termasuk menyediakan *smartboard* bagi memperkukuh Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

Menurut beliau, semenjak 15 tahun lalu, Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Khas SJKT bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif, inklusif dan saksama untuk murid-murid di sekolah Tamil.

"Sejak itu, Kerajaan Negeri telah menghulurkan pelbagai bantuan kewangan bagi penambahbaikan

infrastruktur sekolah Tamil, termasuk penganjuran program peningkatan akademik dan kemahiran digital.

"Bagi tahun 2025 sahaja, sebanyak RM2.3 juta telah disalurkan kepada 28 SJKT termasuk 14 tadika Tamil di negeri ini, yang secara keseluruhan berjaya meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan Tamil di Pulau Pinang.

"Malah, inisiatif yang dilaksanakan ini turut menjadi model pentadbiran komuniti minoriti yang berjaya pada peringkat nasional khususnya dalam memperkasa sekolah vernakular di Malaysia," ujarnya pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 17 November 2025.

Sundarajoo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai berkata demikian ketika menjawab soalan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan, mengenai peranan Jawatankuasa Khas SJKT dan perkara

yang dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan infrastruktur, akademik serta kebajikan pelajar di sekolah-sekolah Tamil di negeri ini.

Mengulas lanjut, Sundarajoo memaklumkan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang menubuhkan jawatankuasa khas seumpama itu.

Tambah beliau, melalui Jawatankuasa Khas SJKT, banyak isu termasuk berkaitan status pemilikan tanah dapat diselesaikan, sekali gus membantu meningkatkan prestasi sekolah-sekolah Tamil.

"Jawatankuasa ini juga menganjurkan pelbagai program seperti kursus untuk guru besar dan guru-guru SJKT, selain menghantar murid menghadiri kelas robotik serta program pemartabatan bahasa Tamil.

"Selain itu, jawatankuasa ini turut menyelaras serta menyalurkan peruntukan melalui geran pembangunan

dan tabung khas negeri, meliputi projek penambahbaikan infrastruktur, latihan dan pembelian peralatan bantu belajar," jelasnya.

Menjawab soalan tambahan daripada Kumaresan selepas itu berhubung kerjasama pada peringkat Persekutuan, Sundarajoo memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat turut menghulurkan bantuan kepada SJKT di negeri ini.

"Terdapat enam SJKT di negeri ini yang merupakan sekolah kerajaan sepenuhnya di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan, manakala, selebihnya merupakan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)," ulasnya lanjut.

Mengenai cadangan penubuhan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tamil, Sundarajoo memberitahu bahawa perkara itu pernah dibangkitkan, namun perlu diperhalusi dari aspek perundangan, kemampuan kewangan, unjuran enrolmen murid dan faktor praktikal.

Pelan Pengurusan Trafik dilaksana ikut lokasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Pelan Pengurusan Trafik atau *Traffic Management Plan* (TMP) terperinci bagi mengurangkan impak kesesakan lalu lintas susulan pembinaan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara telah diluluskan pada 14 Oktober 2025 dan sedang dilaksanakan secara berperingkat mengikut lokasi.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa TMP terperinci yang disediakan oleh Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) telah disyaratkan supaya menyediakan pelan mitigasi pengurusan trafik di setiap lokasi stesen dari George Town hingga ke Permatang Damar Laut.

"Pelaksanaan TMP dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2030 yang mana kerja-kerja pembinaan dijadualkan bermula pada Januari 2026.

"Kerja-kerja pembinaan ini akan diteruskan seperti dirancang termasuk sepanjang tempoh perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari nanti dan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mac.

"Kerja-kerja pembinaan ini tidak

dapat ditangguhkan setelah mengambil kira jadual pembinaan yang sangat padat bagi mencapai sasaran penyiapan projek pada Disember 2031," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng berhubung kerja-kerja pembinaan projek tersebut pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 18 November 2025.

Zairil yang juga ADUN Tanjung Bunga menyatakan bahawa sebarang kelewatan dalam mencapai sasaran penyiapan akan mengaktifkan klausa denda seperti yang termaktub dalam kontrak.

"Walau bagaimanapun, pelaksanaan TMP pada musim perayaan akan disusun agar tidak menjejaskan kelancaran lalu lintas dan keselamatan pengguna jalan raya dalam menghadapi peningkatan trafik pada musim perayaan.

"Pengguna jalan raya juga dinasihatkan dari masa ke masa merujuk laman web dan media sosial Projek LRT Laluan Mutiara untuk maklumat TMP serta pengumuman trafik terkini.

"Selain itu, pengguna jalan raya boleh menyemak aplikasi navigasi seperti *Waze* untuk mendapatkan maklumat trafik masa nyata bagi merancang perjalanan," jelasnya.

Tambah beliau, kerja-kerja pembinaan yang bakal dilaksanakan pada Januari ini masih tidak melibatkan sebarang penutupan jalan.

Menjawab soalan tambahan daripada Guan Eng selepas itu, Zairil memaklumkan bahawa sesi taklimat TMP akan dilaksanakan kepada semua ADUN berkaitan termasuk Ahli-Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan.

Terdahulu, Zairil memberitahu Ahli Dewan bahawa kerja-kerja pembinaan telah bermula secara rasmi sejak Kontraktor Pakej Sivil Utama 1 (CMC1) iaitu SRS Consortium Sdn. Bhd. (SRS) menerima Notis Mula Kerja pada 15 Julai 2025.

Manakala pihak MRT Corp. selaku pemaju dan pemilik aset projek yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan pada April 2024 telah menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik sebagai sebahagian pelaksanaan TMP, yang mana ia juga akan disemak serta ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa hadapan.

Kajian hidrologi, topologi bakal dilaksana di Air Putih

GEORGE TOWN - Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari memberitahu bahawa punca utama kejadian banjir kilat di Air Putih, Balik Pulau adalah ekor hujan lebat berlarutan serta fenomena air pasang besar yang menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti larian air.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga turut menjelaskan bahawa buat masa ini, tiada kajian teknikal audit sistem khusus yang telah dilaksanakan di kawasan tersebut.

"Pun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang akan melihat keperluan untuk melaksanakan kajian hidrologi dan topografi bagi merancang sistem saliran yang menyeluruh di kawasan tersebut," jelasnya dalam sesi soal jawab lisan, Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 17 November 2025.

Tambah Zairil, Kerajaan Negeri melalui JPS menyediakan peruntukan tahunan bagi melaksanakan kerja pengorekan dan pembersihan kolam takungan Taman Manggis yang berada di simpang tiga Air Putih supaya dapat menampung kapasiti air larian daripada Taman Manggis ke sistem perparitan di Air Putih.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa kerja-kerja pembersihan di sungai-sungai berhampiran iaitu Sungai Pak Long Konkrit dan Sungai Bagan Air Itam turut dilaksanakan bagi melancarkan aliran air dan mengurangkan risiko banjir kilat.

"Namun begitu, penyelenggaraan Sungai Air Putih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana sebahagian besar sungai tersebut terletak dalam kawasan tanah persendirian.

"Tiada laluan atau akses yang sesuai menyukarkan pergerakan jentera bagi kerja-kerja pengorekan dan penyelenggaraan di kawasan tersebut," jelasnya sebagai menjawab soalan lisan ADUN Pulau Betong, Mohamad Shukor Zakariah.

Pergiat projek mitigasi banjir jangka panjang

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang sentiasa cakna dan memandang serius akan kejadian banjir yang berlaku di beberapa kawasan di negeri ini.

Exco Pengangkutan, Infrastruktur dan Digital, Zairil Khir Johari berkata, sebagai langkah proaktif mengurangkan kejadian banjir di beberapa tempat di KADUN Penanti, misalnya, sebuah rumah pam bergerak berkapasiti 280 liter sesaat ditempatkan di kawasan alur Sungai Kubu.

"Penempatan pam-pam bergerak ini akan ditentukan berdasarkan keperluan semasa sesuatu kawasan itu.

"Selain itu, JPS juga telah melaksanakan kajian bagi penyelesaian jangka panjang di kawasan tersebut iaitu Kajian Reka Bentuk Terperinci bagi Cadangan Tebatan Banjir di Sungai Permatang Rawa (bahagian hulu) di Kampung Tanah Liat

"(Dan) perkhidmatan perunding bagi reka bentuk terperinci Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mengkuang," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan



ZAIRIL Khir Johari.

Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 19 November 2025.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga itu lagi, selain Penanti, kerja-kerja mitigasi banjir turut dilaksanakan di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan antaranya Projek RTB Sungai Jawi; RTB Sungai Kechil; RTB Sungai Sanglang dan penaiktarafan rumah pam Nibong Tebal.

"Pada masa sama, kerja-kerja penyelenggaraan sungai di kawasan-kawasan lain turut dibuat secara berkala

berdasarkan kepada peruntukan yang diterima pada tahun semasa.

"Ini termasuk kerja-kerja penyelenggaraan mendalam dan membuang enapan di KADUN Sungai Puyu membabitkan Kampung Manggis dan Kampung Tok Sani, yang mana telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada bulan April dan Oktober lalu," jelasnya.

Bercakap mengenai perancangan masa hadapan, Zairil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) terutamanya dalam melaksanakan projek RTB di Sungai Perai Fasa 2 yang merangkumi kawasan tadahan sungai tersebut.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut memohon peruntukan bagi projek pemuliharaan Sungai Juru dengan anggaran kos RM60 juta dan projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir sebanyak RM25 juta, yang mana kedua-duanya telah diluluskan di bawah RMKe-13," katanya.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-15

PenMentor berjaya bantu 435 usahawan wanita mikro



LIM Siew Khim (lapan dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Dato' Ong Bee Leng (enam dari kanan) merakamkan gambar kenang-kenangan usai Majlis Penyampaian Sijil PenMentor 5.0 di sini pada 23 Februari lalu. (Gambar ihsan: PWDC).

GEORGE TOWN – Seramai 435 usahawan wanita mikro berjaya dibantu melalui inisiatif *Penang Women Entrepreneurs Mentoring Programme* (PenMentor) sejak dilancarkan pada tahun 2020.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa rata-rata wanita yang menyertai program tersebut berjaya meningkatkan purata pendapatan masing-masing sehingga 30 peratus.

“Bagi tahun 2025, seramai 92 usahawan wanita telah mengikuti program intensif meliputi pemasaran digital, strategi perniagaan dan penjenamaan produk dengan bimbingan mentor industri.

“Kejayaan program ini menunjukkan bahawa apabila kita menyokong wanita untuk mengembangkan perniagaan, kita bukan sekadar memberi bantuan, tetapi juga membuka peluang untuk mereka berdikari dan memperbaiki

masa depan keluarga,” katanya dalam sesi penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 19 November 2025.

Susulan kejayaan itu, Siew Khim menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk meluaskan tersebut ke lebih banyak kawasan terutamanya luar bandar, bagi memperkukuh akses pasaran agar wanita terus berdaya saing dalam suasana ekonomi semasa.

Jualan Rahmah MADANI lebih daripada sasaran

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) telah dijalankan sebanyak 1,677 kali di Pulau Pinang sehingga 31 Oktober 2025 melebihi sasaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol berkata bahawa program berkaitan memberi ruang kepada rakyat mendapatkan barangan seperti beras, minyak masak, ayam, telur dan sayur pada harga lebih rendah.

“Sasaran KPDN adalah 1,278 kali, namun sehingga Oktober 2025, sebanyak 1,677 PJRM telah dilaksanakan di seluruh negeri,” ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa sesi penggulangan Mesyuarat Kedua

Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 pada 19 November lalu.

Dalam pada itu, Rashidi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bekerjasama erat dengan KPDN bagi memastikan bekalan dan harga barangan asas terpelihara.

“Kerajaan Negeri amat memahami keadaan ini dan sedar ramai ibu bapa terpaksa mengatur belanja dengan lebih teliti, memilih keperluan yang paling penting dan mencari cara untuk menambah pendapatan demi kesejahteraan keluarga.

“Namun, saya ingin jelaskan bahawa bantuan harga bukanlah penyelesaian jangka panjang.

“Lebih penting, kita sama-sama membina kesedaran dalam kalangan rakyat tentang keutamaan berbelanja dengan bijak, supaya mereka tidak terlalu terbeban apabila harga barang



RASHIDI Zinol.

berubah.

“Dengan kesedaran ini, rakyat dapat membuat pilihan yang lebih baik untuk keluarga dan lebih bersedia menghadapi cabaran ekonomi harian,” ujarnya.

Aplikasi PSV tingkat akses sokongan

GEORGE TOWN – Seramai 536 anggota komuniti dan pegawai agensi telah dilatih sebagai *First Support Point* (FSP) di seluruh negeri.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa latihan berkala yang diberikan adalah bagi memastikan FSP sentiasa bersedia memberi bantuan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

“Langkah seterusnya adalah melaksanakan latihan penuh kepada pemimpin akar umbi termasuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

“Ini kerana MPKK merupakan kumpulan paling dekat dengan komuniti dan berpotensi menjadi penyelamat pertama dalam situasi kecemasan,” katanya dalam sesi penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 19 November 2025.

Menurut Siew Khim, sebagai pelengkap kepada usaha tersebut, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan aplikasi *Penang Stops Violence* (PSV) yang dibangunkan oleh Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PeGIS) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

“Aplikasi ini membantu pengguna mengenal pasti lokasi FSP terdekat dengan mudah dan selamat.

“Malah, ia (aplikasi) ini turut menerima pengiktirafan antarabangsa melalui *World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2025* di Geneva, Switzerland, sekali gus menjadikannya antara inovasi digital sosial paling berimpak tinggi negara.

“Namun, bagi meningkatkan akses dan keselamatan mangsa, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengadaptasi PSV daripada aplikasi kepada laman sesawang.

“Dengan infrastruktur sokongan yang semakin diperkukuh melalui FSP dan PSV, tiba masanya untuk kita menggerakkan masyarakat secara lebih meluas melalui kempen pendidikan dan pencegahan,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang.

Pacu transformasi pendidikan digital Islam

GEORGE TOWN - Teras pendidikan Islam negeri terus diperkukuh melalui pelaksanaan digitalisasi pembelajaran, penyediaan infrastruktur moden serta peluasan akses pendidikan kepada golongan berpendapatan rendah (B40).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengagihkan sebanyak 8,740 tablet kepada murid B40 di 263 sekolah dengan kos RM6.5 juta.

"Langkah ini bertujuan menyokong penggunaan buku teks digital Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan meningkatkan akses pendidikan digital, sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasa Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

"Selain itu, seramai 2,500 murid menerima manfaat Program Bantuan Cermin Mata melalui kerjasama Yayasan Sahabat Bina Negara dan Etiqa Takaful bernilai RM500,000.

"Malah, Pulau Pinang juga muncul

sebagai negeri pertama mencapai 100 peratus sekolah menengah dilengkapi sekurang-kurangnya satu *smartboard*, manakala lebih 100 unit *smartboard* tambahan diagihkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sekolah KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain).

Mengulas aspek pendidikan tinggi, Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat menyatakan bahawa Kerajaan Negeri terus memperkukuh peluang pendidikan Islam melalui pelbagai inisiatif strategik.

"Antara usaha terkini, asrama baharu KITAB yang memuatkan 300 pelajar kini mula beroperasi, manakala 80 pelajar dihantar ke Timur Tengah menerusi kerjasama dengan universiti antarabangsa.

"Keseluruhan usaha ini membawa pendidikan Islam negeri ke tahap lebih moden, inklusif dan berdaya



DR. Mohamad Abdul Hamid (kiri sekali) bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh, Dato' Rashidi Zinol (dua dari kiri) dan kepimpinan MAINPP menyempurnakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peranti Tablet Zakat MAINPP kepada sekolah-sekolah di Pulau Pinang di sini pada 11 April lalu.

saing," katanya dalam sesi sesi penggulangan, Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 20 November 2025.

Anak Muda Pulau Pinang diperkasa

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan generasi muda Islam yang berdaya tahan dan berdisiplin melalui program di bawah Teras Pembangunan Anak Muda Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata, program Belia MADANI Merdeka menghimpunkan seramai 250 peserta muda bagi memupuk semangat kesukarelawanan dan kepimpinan komuniti.

"Program ini menyediakan platform kepada golongan muda untuk membangunkan kemahiran insaniah, seperti kerja berpasukan, pengurusan projek komuniti dan penyelesaian masalah secara kreatif.

"Selain itu, program kepimpinan *Next Gen Mukmin Mantop* dan *Next Gen Mukmin* pula melibatkan ratusan belia serta pelajar *Smart Management & Academic Resource* (SMAR) bagi membentuk ketahanan mental, disiplin diri dan karakter melalui modul kerohanian serta aktiviti luar.

"Kem Remaja Jiwa Sakinah yang disertai 80 pelajar juga memberi fokus kepada pembinaan sahsiah, pengurusan emosi dan kerjasama berkumpulan," jelasnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Tambah Mohamad, Kerajaan Negeri turut memantapkan jaringan kerjasama melibatkan pejabat agama daerah, masjid, Jabatan Belia dan Sukan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan golongan muda dibimbing melalui platform yang teratur dan berimpak.

"Pendekatan ini membentuk generasi belia Muslim yang berperanan besar dalam membangunkan masa depan negeri," katanya dalam sesi penggulangan, Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 20 November 2025.

Perkasa sosioekonomi ummah

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri terus memperkukuh pembangunan sosioekonomi ummah melalui pelaksanaan pelbagai projek hartanah dan pengurusan wakaf serta zakat di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa sejumlah projek strategik akan dilaksanakan termasuk pembinaan pangsapuri serta pembangunan bercampur.

"Antara projek tersebut adalah pangsapuri serta unit komersial di Bayan Lepas, perumahan kos sederhana di Permatang Damar Laut dan pembangunan bercampur di Bagan Lalang melalui Akaun Amanah Bumiputera bernilai RM145 juta," katanya dalam sesi penggulangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 20 November 2025.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Agama, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan

Masyarakat turut memaklumkan bahawa Pulau Pinang kini berada



MENUJU sasaran RM200 juta, Zakat Pulau Pinang terus aktif membuka kaunter kutipan di seluruh negeri termasuk di pusat pentadbiran Kerajaan Negeri bagi memudahkan akses awam.

pada landasan tepat untuk mencapai sasaran RM200 juta kutipan zakat tahun ini.

"Wakaf dan zakat terus menjadi instrumen penting pemerikasaan ekonomi ummah selaras hasrat APAI2030.

"Kutipan zakat negeri meningkat ketara apabila sehingga Oktober tahun ini, Zakat Majlis Agama

Islam Pulau Pinang (MAINPP) merekodkan sebanyak RM134.1 juta, berbanding RM120 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap tadbir urus zakat negeri yang telus dan berkesan," ujarinya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-15

Teraju semikonduktor Asia

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

GEORGE TOWN – Kedudukan Pulau Pinang sebagai 'Silicon Valley of the East' terus kukuh apabila mencatatkan sumbangan terbesar dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) negara, iaitu 58 peratus daripada keseluruhan eksport E&E Malaysia.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa gelaran tersebut bukan retorik, sebaliknya berakar daripada pelaburan global dalam industri semikonduktor sejak 1970-an.

“Transformasi pesat Batu Kawan daripada kawasan pinggir bandar kepada hab perindustrian moden serta perancangan pembangunan ke kawasan utara seperti Bertam membuktikan hala tuju jelas pentadbiran negeri.

“Malaysia telah menguasai 13 peratus pasaran global dalam sektor Sektor Pemasangan, Pengujian dan Pembungkusan Cip Semikonduktor (OSAT), dan (Pulau Pinang) adalah penyumbang terbesar dalam rantaian bekalan semikonduktor dunia,” katanya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini pada 20 November 2025.



KAWASAN Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas antara zon industri utama negeri yang menempatkan banyak syarikat multinasional dalam sektor E&E.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut menegaskan bahawa pencapaian tersebut bukan satu kebetulan, sebaliknya hasil perancangan strategik Kerajaan Negeri yang konsisten serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi sejak berdekad lama.

“Komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem industri

berteknologi tinggi akan diteruskan bagi memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif.

“Dengan sokongan pelaburan berkualiti, pembangunan bakat tempatan dan inisiatif yang terancang, negeri ini berada pada landasan stabil untuk terus memimpin sektor semikonduktor pada masa hadapan,” jelasnya lanjut.

PILA dapat kelulusan MoT

GEORGE TOWN – Pelaksanaan projek Hab Logistik Udara Pulau Pinang atau *Penang International Logistics Aeropark* (PILA) telah berjaya mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan (MoT) melalui surat bertarikh 7 Jun 2024.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa semua kelulusan teknikal yang diperlukan termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA); Penilaian Impak Trafik (TIA); Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) juga telah diluluskan dengan pindaan pada 19 Ogos 2025.

“Justeru, tender bagi kerja tanah untuk keseluruhan projek PILA kini pada peringkat penilaian dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2026,” katanya ketika sesi Soalan Lisan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ke-15 dekat sini 17 November lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa projek PILA dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Bayan Lepas dan bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) seluas 79.32 ekar.

Bagi menjayakan projek tersebut, Jagdeep memaklumkan bahawa PDC dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 10 Januari tahun ini untuk pelaksanaan *Tier 1*.

“*Tier 1* melibatkan pembangunan gudang terminal kargo yang terletak berhadapan dengan apron lapangan terbang.

“Sementara itu, *Tier 2* dan *Tier 3* pula melibatkan gudang sokongan yang akan dibangunkan oleh PDC bagi melengkapkan PILA sebagai hab logistik udara bersepadu.

“Anggaran kos sedang disemak untuk dimuktamadkan dan proses *value engineering* sedang dilaksanakan bagi memastikan kos pembangunan yang optimum,” jelasnya.

Jagdeep memberitahu bahawa syarikat *Federal Express* (FedEx) dan DHL antara dua pemain utama dalam industri logistik udara antarabangsa yang telah menyatakan minat dan komitmen untuk menjadi sebahagian daripada pembangunan projek PILA.

“Bagi memperkukuh komitmen tersebut, PDC bersama FedEx dan DHL telah mengadakan majlis pertukaran MoU pada 24 September 2025 sempena Ekspo Osaka 2025 di Jepun.

“Secara keseluruhannya, pemeteraian MoU ini mencerminkan keyakinan syarikat logistik global terhadap potensi PILA sebagai projek strategik yang akan memperkukuh ekosistem logistik udara dan perdagangan antarabangsa Pulau Pinang, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara menyeluruh,” ujarnya.

Jelajah Usahawan ruang tembusi pasaran baharu

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menjalankan Program Jelajah Usahawan yang memberi ruang kepada usahawan kecil dan mikro mempromosikan produk serta mengembangkan pasaran masing-masing.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato’ Rashidi Zinol berkata bahawa program berkaitan bukan semata-mata ruang jualan, sebaliknya peluang kepada usahawan untuk memperkenalkan produk mereka di luar Pulau Pinang dan menembusi pasaran baharu.

“Program Jelajah Usahawan Pulau Pinang setakat ini melibatkan penyertaan 30 usahawan di setiap lokasi, dan berjaya mencatat jualan hampir RM555,000 dengan perbelanjaan minimum sekitar RM199,000.

“Pencapaian ini menunjukkan bahawa strategi membawa usahawan ke luar negeri adalah langkah yang berbaloi dan berimpak tinggi,” ujarinya ketika sesi penggulungan pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 19 November lalu.

Tambah Rashidi, pada tahun hadapan, beberapa lagi lokasi baharu akan diteroka bagi memastikan manfaat



RASHIDI Zinol (tiga dari kiri) bersama jawatankuasa penganjur menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada pemenang sempena Program Jelajah Usahawan Pulau Pinang Siri 1 yang diadakan di Sungai Acheh pada November 2024.

program tersebut dapat dinikmati secara lebih menyeluruh oleh peniaga kecil di seluruh negeri.

“Program ini terus menjadi platform penting dalam memperkukuh ekosistem

keusahawanan serta meningkatkan daya saing produk tempatan pada peringkat lebih luas,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh.

Mengulas lanjut, Rashidi menyatakan bahawa bagi memastikan kelangsungan usahawan dan peniaga kecil, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya telah menyediakan pelbagai kemudahan ruang perniagaan di lokasi strategik.

“Melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), sebanyak 335 premis disediakan, manakala kesemua Pejabat Daerah dan Tanah (245 premis) bagi menyokong perniagaan pada peringkat komuniti.

“Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkukuh ekosistem keusahawanan melalui jalinan kerjasama yang erat dengan agensi-agensi Persekutuan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam usaha memperluas akses ruang niaga khusus untuk usahawan bumiputera.

“Pada masa ini, PERDA menyediakan sebanyak 387 premis pelbagai kategori, manakala MARA menawarkan 363 lot fasiliti premis perniagaan dan industri di seluruh negeri Pulau Pinang,” ulasnya lanjut.

Tingkat akses perkhidmatan kesihatan

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri terus komited dalam memperkukuh sistem perkhidmatan kesihatan melalui usaha berterusan dalam pembangunan dan penaiktarafan fasiliti kesihatan di seluruh negeri.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa inisiatif berkaitan adalah merangkumi permbinaan kemudahan baharu, peningkatan kapasiti klinik kesihatan sedia ada serta penyediaan peralatan perubatan yang lebih moden dan efisien.

“Langkah-langkah ini dilaksanakan bagi memastikan rakyat menerima akses perkhidmatan kesihatan yang lebih cepat, selamat serta berkualiti tinggi selaras aspirasi kerajaan untuk mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuh kesiapsiagaan sistem kesihatan.

“Sebagai rekod, sehingga 14 November 2025, sejumlah 25 projek pembangunan dan naik taraf fasiliti kesihatan telah berjaya disiapkan.

“Manakala, 22 projek lagi sedang giat dilaksanakan yang mana 18 projek melibatkan kerja-kerja menaik taraf klinik daif dengan peruntukan RM8.9 juta serta satu projek roboh dan bina semula iaitu Klinik Desa Batu Ferringhi yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang,” ujarnya.

Zi Sen yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata demikian ketika



KLINIK Desa Batu Ferringhi yang bakal dirobuhkan dan dibina semula oleh JKR Pulau Pinang.

menyampaikan ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 19 November 2025.

